



## **AGENCI ANTIDADAH KEBANGSAAN SURUHANJAYA PENCEGAHAN RASUAH MALAYSIA**

---

### **KENYATAAN MEDIA**

#### **NOTA KERJASAMA ANTARA AGENCI ANTIDADAH KEBANGSAAN DAN SURUHANJAYA PENCEGAHAN RASUAH MALAYSIA DALAM PELAKSANAAN PROGRAM TEKAD, RASUAH, SALAH GUNA KUASA DAN PENYELEWENGAN**

**KAJANG, 11 April 2025** – Agensi Antidadah Kebangsaan (AADK) dengan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) hari ini memeterai Nota Kerjasama dalam pelaksanaan Program Tempat Kerja Bebas Dadah (TEKAD) dalam kalangan warga SPRM serta memerangi penyalahgunaan dadah, rasuah, salah guna kuasa dan penyelewengan.

Kerjasama strategik ini adalah kali kedua diadakan dalam tempoh 5 tahun bertujuan membanteras penyalahgunaan dadah dan jenayah rasuah, membudaya integriti dalam organisasi dan pelaksanaan mengikut undang-undang dan dasar kerajaan yang berkuat kuasa.

Menerusi kerjasama strategik ini, AADK akan mewujudkan tempat kerja bebas dadah, menyampaikan mesej pencegahan dan membanteras penyalahgunaan dadah atau bahan di SPRM. Selain itu, menerusi kerjasama ini juga, AADK akan menyediakan khidmat latihan dan program pemulihan kepada pegawai SPRM yang terlibat dengan isu penagihan dan penyalahgunaan dadah atau bahan serta membantu dalam operasi ujian saringan air kencing.

Sementara itu, SPRM pula akan bekerjasama membantu AADK dalam mewujudkan tatakelola yang baik, pencegahan rasuah, salah guna kuasa dan penyelewengan dalam kalangan warga AADK.

Nota kerjasama itu ditandatangani oleh Ketua Pengarah AADK, Dato' Ruslin bin Jusoh dan Ketua Pesuruhjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM), Tan Sri Dato' Sri KPj Hj. Azam bin Baki.

Selain itu, Unit Integriti AADK melakar sejarah apabila memperoleh pensijilan Sistem Pengurusan Kualiti (ISO QMS 9001:2015 daripada Institut Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan Negara (Niosh) tahun ini.

Pensijilan itu diperoleh menerusi dua skop fungsi teras AADK iaitu pengurusan aduan dan pengurusan siasatan integriti. Justeru, dengan kejayaan itu, Unit Integriti AADK menjadi pasukan integriti pertama di negara ini yang berjaya merangkul pensijilan tersebut tanpa mendapat Laporan Ketidapatuhan (NCR) dan peluang penambahbaikan (OFI). Kejayaan ini juga sekali gus menjadikan Unit Integriti AADK akan menjadi '*bench marking*' bagi Unit Integriti lain di negara ini. Umumnya, ISO berkenaan adalah bukti usaha AADK untuk meningkatkan pengurusan tatakelola mengikut standard antarabangsa.

Terdahulu Tan Sri Dato' Sri KPj Hj. Azam bin Baki turut menyerahkan pensijilan itu kepada Pengarah Unit Integriti AADK, Zulfikri bin Abd Manaf yang disaksikan oleh Ketua Pengarah AADK, Dato' Ruslin bin Jusoh

**-TAMAT-**

**DATO' RUSLIN JUSOH  
KETUA PENGARAH  
AGENSI ANTIDADAH KEBANGSAAN**

**11 APRIL 2024, KAJANG, SELANGOR**

E-mel: [pro@aadk.gov.my](mailto:pro@aadk.gov.my)  
No. Tel: 03-8911 2424/2420/2564